

## **Ekonomi Berasaskan Pengetahuan dan ICT**

---

### **Ekonomi Berasaskan Pengetahuan**

Ekonomi berasaskan pengetahuan akan menyediakan landasan ke arah mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat dan meningkatkan daya saing antarabangsa untuk mencapai objektif Wawasan 2020. Teras pembangunan untuk ekonomi berasaskan pengetahuan adalah berteraskan perkara-perkara berikut:

- Membangunkan tenaga kerja berasaskan berpengetahuan, antara lain, melalui kajian menyeluruh terhadap sistem pendidikan dan latihan, melaksanakan/memperluaskan sistem pembelajaran sepanjang hayat dan melaksanakan program yang berupaya menarik, memotivasi dan mengekalkan modal insan berkemahiran yang diperlukan bagi mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi;
- Mempergiatkan usaha dalam inisiatif S&T dan R&D berasaskan permintaan;
- Memperluaskan pembangunan info struktur bagi membantu pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan;
- Sistem kewangan yang sejajar dengan pembangunan aktiviti berasaskan pengetahuan;
- Meningkatkan kandungan pengetahuan dalam sector pertanian, pembuatan dan perkhidmatan;
- Mendorong EKS untuk bersedia menghadapi ekonomi berasaskan pengetahuan serta mengenalpasti dan memanfaatkan sepenuhnya peluang yang wujud;
- Sektor awam yang cekap dalam perolehan, penggunaan, penyebaran dan pengurusan pengetahuan;
- Penggunaan pengetahuan secara beretika; dan
- Melaksanakan program merapatkan jurang digital di antara kumpulan pendapatan, etnik dan umur, masyarakat Bandar dengan luar Bandar serta di antara wilayah.

Selain itu, Pelan Induk Ekonomi Berdasarkan Pengetahuan (KEMP) yang dilancarkan pada tahun 2002 mengandungi 136 cadangan yang meliputi pembangunan sumber manusia, struktur informasi, insentif, pembangunan S&T, orientasi semula sektor swasta dan awam serta menangani jurang digital.

## **ICT**

### **» Meletakkan Malaysia sebagai sebuah Hab Utama Global bagi ICT dan Multimedia**

- Malaysia perlu beralih daripada pengeluar produk dan penyedia perkhidmatan ICT sederhana kepada pengeluar produk dan perkhidmatan ICT yang terpilih dan meningkat maju daripada pengimport bersih kepada pengeksport bersih. Isu berkaitan kekurangan penerimaan produk, penjenamaan produk yang lemah dan kekurangan kepakaran disiplin bersilang akan ditangani secara berperingkat.
- Produk ICT tempatan yang dihasilkan akan melalui program kepastian kualiti bagi memastikan piawaian antarabangsa dipenuhi seterusnya meningkatkan kebolehpasaran produk ICT tempatan di pasaran global.

### **» Menaiktaraf dan Memperluaskan Infrastruktur Komunikasi Untuk Meningkatkan Ketersampaian di Seluruh Negara Sebagai Satu Cara Untuk Merapatkan Jurang Digital**

- Usaha akan difokuskan bagi menaiktaraf rangkaian komunikasi sejajar dengan kemajuan teknologi, memberi akses jalur lebar dengan mengenakan kadar bayaran yang mampu dibayar, memperluaskan infrastruktur ICT keluar bandar bagi memberi peluang digital yang lebih sama rata, seterusnya menghasilkan pembangunan yang lebih seimbang antara bandar dan luar bandar.

### **» Mempertingkatkan Pembangunan Modal Insan ICT**

- Selaras dengan keperluan abad ke 21 yang memerlukan tenaga kerja mahir dan

berpengetahuan tinggi maka usaha sedia ada bagi meningkatkan kemahiran ICT dari peringkat sekolah hingga ke institusi kemahiran atau pengajian tinggi akan diteruskan dan diperkukuh. Walaubagaimanapun, fokus akan diberikan kepada kandungan pengajaran dan kemahiran berkaitan ICT. Ini bagi memastikan ICT dapat dijadikan pemangkin utama dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan tenaga mahir yang dilahirkan. Penekanan akan diberikan kepada kandungan komponen ICT yang diajar bagi memastikan ia relevan dengan kehendak dan keperluan tenaga kerja semasa dan masa depan. Galakan juga akan diberikan kepada firma-firma bagi memastikan tenaga kerja mereka akan dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka melalui penekanan kepada pembelajaran sepanjang hayat.

#### » **Mempromosikan E-Dagang dan Mempertingkatkan Penggunaannya Untuk Bersaing Dengan Lebih Efektif di Pasaran Global**

- Fokus khas akan diberikan ke arah mempromosi dan menggalakkan penggunaan e-dagang yang lebih luas sebagai satu cara untuk menjalankan perniagaan melalui rangkaian digital. Kerajaan juga akan mengambil langkah-langkah untuk mewujudkan kepercayaan dan keyakinan terhadap e-dagang termasuk sekuriti dan privasi pengguna. Sokongan infrastruktur dan logistik yang merangkumi rangkaian, sistem pembayaran dan logistik juga akan diberikan untuk mempertingkatkan pembangunan e-dagang. Perniagaan dan komuniti digalakkan untuk memberi tindak balas dan turut serta secara aktif di dalam pembangunan dan penggunaan e-dagang.

#### » **Merangsang KeupayaanTempatan dalam Pembangunan Perisian Kreatif**

- Dalam membangunkan Malaysia sebagai pesaing dalam bidang multimedia kreatif, beberapa inisiatif sedang diambil untuk merangsang keupayaan tempatan dalam membangunkan perisian kreatif. Bagi terus membantu dan menggalakkan pembangunan industri perisian kreatif di peringkat tempatan,

Kerajaan akan membangunkan peraturan yang jelas dan tepat berkaitan dengan perlindungan hak harta intelek. Ini akan disokong pula oleh penguatkuasaan yang berkesan untuk membanteras cetak rompak.

#### » **Membangunkan Industri ICT Melalui Platform MSC Malaysia**

- MSC Malaysia akan mengenalpasti dan membangunkan beberapa bidang terpilih termasuk pembangunan perisian, multimedia kreatif, perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar serta e-bisnes. Konsep kluster akan diguna pakai bagi memacu pertumbuhan bidang tersebut yang melibatkan kolaborasi di antara syarikat global sebagai nukleus dengan EKS tempatan. Skim faedah bertingkat akan disediakan yang mana faedah kewangan dan bukan kewangan akan diberi berdasarkan kepada keperluan, saiz dan tahap kematangan syarikat serta kriteria seperti kebolehan untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan EKS dalam sektor utama dan mendorong kesan limpahan tinggi.
- Kerajaan akan menggalakkan penggunaan ICT dalam semua industri secara agresif selari dengan pembangunan sektor ICT. Perkhidmatan cloud computing akan dibangun bagi menyediakan aplikasi perisian kritikal kepada EKS untuk pengurusan perhubungan pelanggan, perancangan sumber enterpris, pengurusan rantai nilai, pengurusan sumber manusia serta pengurusan kewangan dan perakaunan. Bidang terpilih bagi pembangunan aplikasi termasuk perkhidmatan penjagaan kesihatan, pendidikan dan kewangan terutama perbankan Islam.
- Program Transformasi Digital atau Digital Malaysia sedang dilaksanakan untuk merangsang pembangunan ekonomi digital menjelang tahun 2020. Program ini akan menghasilkan ekosistem yang akan menggalakkan penggunaan ICT dalam semua aspek ekonomi dan seterusnya berupaya untuk menghubungkan masyarakat global dan berkomunikasi secara real time. Ini dijangka akan meningkatkan GNI melalui peningkatan produktiviti, penghasilan pekerjaan baru dan kualiti hidup yang lebih baik. Pelaksanaan Digital Malaysia akan memberi manfaat kepada Kerajaan, komuniti perniagaan dan rakyat secara

keseluruhannya.

Sumber : <http://www.mea.gov.my>